

**SULIT**

SEJARAH  
MEI  
2016  
1 JAM



MARKAH
100

**UNIT PEPERIKSAAN DALAMAN  
SK SERI LAKSANA  
PENILAIAN PERTENGAHAN TAHUN  
MEI 2016**

**SEJARAH TAHUN 6  
MASA  
Satu Jam**

NAMA MURID : .....

TAHUN : .....

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU  
MAKLUMAT UNTUK CALON  
JAWAB SEMUA SOALAN.**

<b>BAHAGIAN</b>	<b>MARKAH MURID</b>	<b>MARKAH</b>
BAHAGIAN A ( OBJEKTIF )		30
BAHAGIAN B		20
<b>MARKAH KESELURUHAN</b>		<b>50</b>

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

*Ismail Musha*

Ismail b. Musha

PENGERUSI PANITIA SEJARAH

Kertas soalan ini mengandungi **8** halaman bercetak termasuk muka hadapan

## BAHAGIAN A

## SOALAN OBJEKTIF

Pilih jawapan yang betul.

- 1 Tarian kuda kepang merupakan tarian warisan di negeri ?  
A Johor    C Melaka  
B Kedah    D Negeri Sembilan
  
- 2 Salah satu gua tertua di dunia dan telah diwartakan sebagai tapak bersejarah di negeri Sarawak ialah gua.....  
A Gua Tempurung                                  C Gua Kelam  
B Gua Musang                                      D Gua Niah
  
- 3 Nyanyian ini dikatakan berasal daripada nyanyian istana pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Nyanyian tersebut polular dalam kalangan masyarakat Melayu dan Cina Peranakan. Nyanyian yang dimaksudkan adalah?  
A Boria    C Ulik Mayang  
B Dikir Barat                                      D Dondang Sayang
  
- 4 Hutan ini merupakan pusat pemuliharaan Orang Utan. Ianya dibuka pada tahun 1964. Pusat ini dikhususkan untuk memulihara dan mengkaji spesies Orang Utan. Hutan yang dimaksudkan adalah.....  
A Taman Negara Endau-Rompin                  C Hutan Simpan Sepilok  
B Hutan Simpan Royal Belum                      D Taman Negara
  
- 5 Sebab-sebab Rukun Negara Diperkenalkan adalah seperti berikut **KECUALI** ?  
A Perselisihan dan perbalahan kaum telah berlaku pada 13 Mei 1969  
B Bagi mengawal kegiatan komunis dan kemasukan warga asing.  
C Ketidakseimbangan sosialekonomi telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam masyarakat.  
D Dasar pemerintahan semasa British menyebabkan berlaku pengasingan tempat tinggal dan pekerjaan.

- 6 Jika seseorang individu itu dapat membentuk identiti, perwatakan dan keperabadian yang unggul ia dianggap individu yang mempunyai ciri-ciri
- A Jati diri
  - B Kreativiti
  - C Kebolehhidupan
  - D Kerjasama berpasukan
- 7 Berikut merupakan kesan kepada negara hasil daripada pelaksanaan Rukun Negara KECUALI ?
- A Patriotisme
  - B Perpaduan kaum lebih erat
  - C Taksub kepada kaum sendiri
  - D Penerimaan kehidupan beragama
- 8 Yang manakah antara berikut merupakan langkah bagi memupuk perpaduan ?
- A Menggunakan bahasa ibunda dalam urusan rasmi
  - B Mewujudkan sekolah pelbagai aliran mengikut kaum
  - C Mengekalkan monopoli ekonomi pada satu kaum sahaja
  - D Melancarkan program Gagasan 1 Malaysia pada tahun 2009
- 9 Apakah tujuan utama Wawasan 2020 dilancarkan ?
- A Untuk menjadikan negara Malaysia dikenali di dunia
  - B Untuk menjadikan negara sebuah kuasa ekonomi dunia
  - C Menjadikan negara sebuah kuasa tentera berteknologi tinggi
  - D Menjadikan negara sebagai negara maju dalam bidang sains dan teknologi.
- 10 Apakah matlamat slogan Malaysia Boleh diperkenalkan?
- A Untuk menyuntik semangat rakyat mencapai kejayaan cemerlang
  - B Untuk menggalakan rakyat mengamalkan amalan berbudi bahasa
  - C Untuk memberi sokongan tanpa berbelah bagi kepada pemimpin
  - D Untuk memberi semangat kepada rakyat makan makanan yang sihat

- 11 Dasar ekonomi baru diperkenalkan bagi tujuan ?
- A Menggalakan masyarakat cina berniaga
  - B Menggalakan semua kaum berjual beli tanpa hutang
  - C Menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan
  - D Membantu dengan menderma kepada orang fakir dan miskin
- 12 Akta Bahasa Kebangsaan 1963 bertujuan untuk.....
- A Menggunakan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi
  - B Memantapkan bahasa ibunda semua kaum di Malaysia
  - C Memantapkan pelaksanaan bahasa Melayu dalam semua bidang
  - D Memantapkan pelaksanaan bahasa asing sebagai bahasa utama
- 13 Jabatan yang bertanggungjawab dalam hal-hal perpaduan adalah ?
- A Jabatan Kebajikan Masyarakat
  - B Jabatan Pendaftaran Negara
  - C Jabatan Perpaduan Negara
  - D Jabatan Tenaga Kerja
- 14 Sebuah Majlis telah ditubuhkan pada 31 Ogos 1970, hanya ditubuhkan bagi mengawal ketenteraman, memastikan kelicinan pentadbiran negara, menjaga keharmonian dan saling mempercayai dalam kalangan rakyat pelbagai kaum , majlis yang dimaksudkan adalah.....
- A MPM ( Majlis Peperiksaan Malaysia )
  - B MAGERAN ( Majlis Gerakan Negara )
  - C MPBP ( Majlis Perbandaran Batu Pahat )
  - D MTEN ( Majlis Tindakan Ekonomi Negara )
- 15 Apakah dasar pihak British semasa pemerintahannya, sehingga tercetus peristiwa hitam 13 Mei 1969 ?
- A Dasar pecah tanah
  - B Dasar pecah dan perintah
  - C Dasar tutup pintu kepada negara luar
  - D Dasar percukaian yang tinggi dan penindasan

16. Perkahwinan pedagang dari China dengan penduduk tempatan telah mewujudkan etnik Cina peranakan yang juga dikenali sebagai ?
- A. Baba dan Nyonya                      C. Babu dan Nyonya  
B. Baba dan Nyanya                      D. Babu dan Nyanya
17. Berikut adalah kumpulan etnik utama yang terdapat di Sarawak KECUALI ?
- A. Bidayah                      B. Iban                      C. Jakun                      D. Melanau
18. Etnik Kadazandusun merupakan salah satu kumpulan etnik utama di .....
- A. Selangor      B. Melaka                      C. Kedah                      D. Sabah
19. Pada zaman dahulu penempatan Melayu bertumpu di pesisir pantai dan muara serta tebing sungai. Apakah aktiviti utama penempatan di sini?
- A. Menangkap ikan, bertani dan berniaga kecil-kecilan  
B. Perlombongan dan perniagaan  
C. Pengurusan dan pentadbiran  
D. Pekerja ladang getah
- 20 . Di Semenanjung Malaysia terdapat beberapa etnik Orang Asli . Antaranya adalah etnik.....
- A. Baba dan Nyonya                      C. Jahai dan Semai  
B. Bidayah dan Siam                      D. Murut dan Sikh
- 21 . Apakah kegiatan ekonomi atau sumber hasil masyarakat Orang Asli ?
- A. Menghasilkan makanan ternakan  
B. Menjalankan ternak udang dalam sangkar  
C. Menebang kayu balak dan menoreh getah  
D. Mencari hasil hutan, berburu dan menangkap ikan
22. Bandar Maharani merupakan Bandar Diraja bagi negeri ?
- A. Kelantan                      B. Johor                      C. Pahang                      D. Terengganu
23. Apakah nama lagu negeri kamu ?
- A. Bangsa Johor                      C. Maju dan Sejahtera  
B. Untuk Negeri Kita                      D. Allah Lanjutkan Usia Sultan

24. Hari Malaysia disambut pada 16 September kerana memperingati.....
- A. Penubuhan Malaysia
  - B. Singapura keluar dari Malaysia
  - C. British menyerah kalah pada Jepun di Tanah Melayu
  - D. Tamatnya konfrantasi antara Malaysia dengan Indonesia
25. Siapakah pemimpin dari Sabah yang menjadi ahli Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM)?
- A. Lee Kuan Yew
  - B. Tun Datu Mustapha
  - C. Tun Muhammad Ghazali
  - D. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
26. Antara negeri-negeri yang berikut negeri manakah tidak terlibat dalam pembentukan Malaysia?
- A. Tanah Melayu
  - B. Sarawak
  - C. Indonesia
  - D. Singapura
27. Nama sembilan negeri kecil di Negeri Sembilan ialah Inas, Tampin, Ulu Muar, Sungai Ujong, Rembau, Gunung Pasir, Jempol .....dan.....
- A Jasin dan Jitra
  - B Jerlun dan Jertih
  - C Jelebu dan Johol
  - D Jelai dan Jerai
28. Berikut adalah negeri-negeri yang mendapat nama dan mempunyai kaitan dengan nama pokok **KECUALI** negeri ?
- A. Pulau Pinang
  - B. Sabah
  - C. Melaka
  - D. Sarawak
29. Perlantikan Yang di-Pertua Negeri bagi negeri Pulau Pinang , Melaka, Sabah dan Sarawak di bawah bidang kuasa.....
- A. Ketua Menteri
  - B. Presiden
  - C. Menteri Besar
  - D. Yang di-Pertuan Agong
30. Antara penyebab pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 bertujuan untuk.....
- A. Menyekat pengaruh komunis
  - B. Membantu perdagangan luar negara
  - C. Membantu warga asing mendapat kerakyatan
  - D. Menyekat pengaruh luar terutama dari Indonesia dan Filipina

(30 markah )

## BAHAGIAN B

(i) Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Tayam	Sumazau	Tating Lawi	Sepak Manggis	Ngajat
Inang	Sewang	Sape	Veenai	Seruling
Ketingting	Tibau	Bhagra	Yangqin	Sampoton

**KEBUDAYAAN KAUM DAN ETNIK DI MALAYSIA**

**ALAT MUZIK**



1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

4. \_\_\_\_\_

5. \_\_\_\_\_

**PERMAINAN**



1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

4. \_\_\_\_\_

5. \_\_\_\_\_

( 10 markah )

(ii) Tuliskan 5 prinsip Rukun Negara mengikut urutan yang betul.

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_


3. \_\_\_\_\_

4. \_\_\_\_\_

5. \_\_\_\_\_

( 5 markah )

Soalan berikut adalah berdasarkan peta di bawah



1. Lorekkan atau warnakan negeri di mana kamu bersekolah sekarang?

Bagi soalan 2 hingga 5 murid hanya perlu menulis huruf dalam bulatan  yang disediakan sahaja

2. Tuliskan huruf A dalam bulatan, bagi negeri Sarawak .

3. Tuliskan huruf B bagi negeri di mana Bandar Dirajanya adalah Pekan.

4. Tuliskan huruf C bagi negeri di mana ketua negerinya adalah Yang di-Pertuan Besar.

5. Tuliskan huruf D bagi negeri di mana ibu negerinya adalah Ipoh.

**(10 markah)**



